

ELEMEN AL-TASWIR AL-FANNI DALAM WACANA ARGUMENTATIF AL-QURAN: ANALISIS DESKRIPTIF DARIPADA SURAH AL-ISRA'

THE ELEMENTS OF AL-TASWIR AL-FANNI IN QUR'ANIC ARGUMENTATIVE DISCOURSE: A DESCRIPTIVE ANALYSIS OF SURAH AL-ISRA'

Siti Salma Binti Wahiduddin^{1*}

¹ Faculty of Major Language Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: sitisalma@usim.edu.my; <https://orcid.org/0009-0007-7247-6277>

Article history

Received date : 5-8-2026
Revised date : 6-8-2026
Accepted date : 12-9-2026
Published date : 17-9-2026

To cite this document:

Wahiduddin, S. S. (2026). Elemen al-taṣwīr al-fannī dalam wacana argumentatif al-Quran: Analisis deskriptif daripada Surah al-Isra'. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 335 – 344.

Abstrak: Makalah ini mengupas kajian berkaitan ilmu balaghah yang menghubungkan aspek keindahan seni bahasa dan aspek wacana yang terdapat dalam al-Quran. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti keindahan teknik al-taswir al-fanni dan peranannya dalam menghidupkan wacana argumentatif dalam al-Quran melalui analisa yang dilakukan daripada beberapa ayat dalam surah pilihan iaitu Surah Al-Isra'. Kaedah kajian ini dijalankan adalah melalui kajian kepustakaan menggunakan metode analisis deskriptif. Elemen-elemen al-taswir al-fanni yang menonjolkan keindahan terhadap mesej yang ingin disampaikan dalam ayat-ayat pilihan dikenalpasti dengan merujuk buku-buku tafsir al-Quran di samping memperoleh latar belakang sebab penurunan ayat dan menggali khazanah ketinggian nilai i'jāz al-Quran yang terkandung di dalamnya. Kajian ini mendapati bahawa ketepatan dalam pemilihan kata, keserasian makna dan keindahan susunan kata serta paparan yang digambarkan di samping keserasian irama memberi sumbangan yang tidak ternilai dalam mengangkat kedudukan ayat dalam wacana argumentatif dan membuktikan kemukjizatan al-Quran yang tiada tandingannya.

Kata Kunci: balaghah, mukjizat, Surah Al-Isra', taswir fanni, wacana argumentatif,

Abstract: This paper discusses a study related to the science of rhetoric (balaghah) that connects the aspects of linguistic beauty and discourse found in the Qur'an. The objective of this study is to identify the beauty of the technique of al-taswir al-fanni (artistic imagery) and its role in enlivening argumentative discourse in the Qur'an through an analysis of selected verses from Surah Al-Isra'. This study employs a library research method using descriptive analysis. The elements of al-taswir al-fanni that highlight the beauty of the messages conveyed in the selected verses are identified by referring to Qur'anic exegesis (tafsir) books, as well as examining the background of the occasions of revelation and exploring the treasures of the Qur'an's miraculous eloquence (i'jaz al-Qur'an). The study finds that the precision in word

choice, harmony of meaning, beauty of arrangement and imagery, together with rhythmic harmony, contribute significantly to elevating the status of the verses within argumentative discourse and proving the unparalleled miraculous nature of the Qur'an.

Keyword: *argumentative discourse, mukjizat, rhetoric, Surah Al-Isra', taswir fanni*

Pengenalan

Al-Quran diturunkan sebagai mukjizat agung yang mengiringi dakwah Nabi Muhammad SAW dalam menghadapi tentangan masyarakat Arab pada zamannya. Walaupun bangsa Arab ketika itu dilihat ketinggalan dari sudut ketamadunan berbanding tamadun besar seperti Empayar Rom dan Empayar Parsi, namun mereka memiliki keistimewaan tersendiri dari sudut kemurnian fitrah, keakraban dengan alam semula jadi, serta kehalusan penguasaan bahasa. Oleh sebab itu, Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab kepada Rasulullah SAW yang juga berbangsa Arab, agar mesej wahyu dapat disampaikan dalam medium bahasa yang paling dekat dengan jiwa dan sesuai dengan budaya masyarakat setempat. (Wahiduddin, 2024; al-Hijawi, 2010; Don, 1999). Karya-karya sya'ir agung seperti *Mu'allaqat* digantung di sekeliling Kaabah sebagai simbol penghormatan terhadap martabat tinggi para penyair ketika itu. Namun demikian, kehebatan bahasa dan ketajaman retorik mereka ternyata tidak mampu menandingi kemukjizatan gaya bahasa Al-Quran yang luar biasa.

Sehubungan itu, artikel ini membincangkan ilmu balaghah yang meneliti hubungan antara keindahan seni bahasa dengan aspek wacana dalam Al-Quran. Perbincangan difokuskan kepada peranan dan keunikan elemen *al-Taswir al-Fanni* dalam Al-Quran, khususnya dalam mendepani penentangan dan keingkaran masyarakat Arab terhadap seruan dakwah Rasulullah SAW melalui pendekatan penghujahan wacana argumentatif yang berkesan.

Sorotan Literatur

Teori al-Taswir al-Fanni

Teori *al-Taswir al-Fanni* dipelopori oleh salah seorang tokoh yang masyhur sejak kurun ke-19 iaitu Sayyid Qutb. Pada tahun 1945, Sayyid Qutb melalui karyanya berjudul *Al-Taswir al-Fanni Fi al-Quran* telah memberi sumbangan yang besar dalam mendalami dan memahami ciri-ciri keindahan ayat-ayat al-Quran tanpa terikat dengan batasan-batasan topik yang kerap dibincangkan dalam ilmu balaghah yang menyebabkan pemahaman dan penghayatan terhadap ayat-ayat al-Quran menjadi terbatas. Walaupun idea-idea pemikiran berkaitan teori ini telah dirintis oleh para ilmuan yang lebih awal, namun Qutb (2004a) telah membentuk suatu kerangka yang lebih jelas dan terperinci dalam memahami teori *al-Taswir al-Fanni* (Wahiduddin et. al., 2023; Wahiduddin & Wan Ahmad, 2024; Nasr el Din, 2011; Bumindjel, 2010).

Terdapat lima elemen utama dalam teori *al-Taswir al-Fanni* iaitu *al-takhyīl al-hissī* (pengkhayalan deria), *al-tajsim al-fannī* (penyerupaan berseni), *al-tanāsuq al-fannī* (pengharmonian berseni), *al-hayāt al-shākhiṣah* (personafikasi) dan *al-ḥarakah al-mutajaddidah* (pergerakan berterusan) (Wahiduddin, 2024; al-Khalidi, 2016). Kajian Wahiduddin (2024) mendapati bahawa kelima-lima elemen tersebut diaplikasikan dalam ayat-ayat al-Quran yang mengandungi wacana argumentatif dengan keunikan ciri tersendiri bagi setiap elemen. Penggunaan elemen-elemen ini bukan sahaja memperincikan keindahan bahasa

ayat-ayat al-Quran, malah turut menyumbang kepada kekuatan penghujahan yang memberi kesan mendalam kepada para pendengarnya.

Wacana Argumentatif Al-Quran

Wacana dalam Kamus Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007: 1792) didefinisikan sebagai “keseluruhan tutur yang merupakan suatu kesatuan, ucapan, pertuturan, percakapan”. Kajian mengenai wacana tidak terhad pada suatu unit perkataan, namun turut merangkumi struktur keseluruhan dan kesatuan bahasa yang lengkap dan paling tinggi arasnya kerana melibatkan kesinambungan pemikiran, konteks penyampaian sama ada dalam bentuk penulisan atau pertuturan (Md. Idris, 2016). Justeru, wacana argumentatif Al-Quran pula merujuk kepada kekuatan penghujahan, kesinambungan dan keteraturan mesej yang disampaikan dalam keseluruhan firman Allah yang dinyatakan dalam Al-Quran hingga mengesankan para pendengarnya dan mematahkan pihak yang melawannya.

Metodologi

Kajian ini dijalankan melalui kaedah kajian kepustakaan menggunakan metode analisis deskriptif. Elemen-elemen *al-taswir al-fanni* yang menonjolkan keindahan terhadap mesej yang ingin disampaikan dalam ayat-ayat pilihan dikenalpasti dengan merujuk buku-buku tafsir al-Quran di samping memperoleh latar belakang sebab penurunan ayat dan menggali khazanah ketinggian nilai *i j'az* al-Quran yang terkandung di dalamnya.

Penulis memilih Surah Al-Isra' sebagai skop kajian kerana surah ini tergolong dalam surah Makkiyyah yang menumpukan mesej utamanya kepada konsep ketauhidan, iaitu seruan agar manusia kembali mentauhidkan Allah serta meninggalkan segala bentuk penyembahan dan pensusyukutan terhadap-Nya. Sehubungan itu, ayat-ayat yang dipilih dalam kajian ini berbentuk komunikasi langsung kepada khalayak pendengar serta mengandungi elemen *al-taswir al-fanni* yang memperlihatkan keindahan dan kekuatan wacana Al-Quran. Ayat terpilih untuk kajian ini mengandungi wacana argumentatif yang ditujukan kepada manusia khususnya golongan Musyrikin dan mengandungi salah satu elemen *al-taswir al-fanni* iaitu *takhyil hissi*. Jadual berikut menunjukkan ayat-ayat yang menjadi skop kajian:

Jadual 1: Ayat Subjek Kajian

Ayat Subjek Kajian (Surah Al-Isra' 17: 66-67)

رَبُّكُمُ الَّذِي يُرْجِي لَكُمُ الْفُلْكَ فِي الْبَحْرِ لِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ٦٦

Tuhan kamulah yang menjalankan untuk kamu kapal-kapal di laut, supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; sesungguhnya Ia adalah Maha Mengasihani kepada kamu.

وَإِذَا مَسَّكُمُ الضُّرُّ فِي الْبَحْرِ ضَلَّ مَنْ تَدْعُونَ إِلَّا إِلَٰهًا فَلَمَّا نَجَّيْكُمْ إِلَى الْبَرِّ أَعْرَضْتُمْ وَكَانَ الْإِنْسَانُ كُفُورًا ٦٧

Dan apabila kamu terkena bahaya di laut, (pada saat itu) hilang lenyaplah (dari ingatan kamu) makhluk-makhluk yang kamu seru selain dari Allah; maka apabila Allah selamatkan kamu ke darat, kamu berpaling tadah (tidak mengingatiNya); dan memanglah manusia itu sentiasa kufur (akan nikmat-nikmat Allah).

Sumber: Al-Quran Terjemahan, (tanzil.net terjemahan Basmeih) <https://tanzil.net>

Dapatan Dan Analisis

Kedua-dua ayat yang menjadi skop kajian mengandungi hujah yang tegas dalam menolak kepercayaan golongan musyrikin yang menyekutukan Allah dengan berhala-berhala sembanan mereka. Mereka percaya bahawa “tuhan-tuhan” tersebut mampu memberi manfaat dan mendatangkan mudarat, sedangkan hakikatnya hanya Allah Yang Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Melalui ayat ini, manusia dituntut agar mengakui keesaan Allah dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah tanpa mempersekutukanNya dengan sesuatu apa pun. Sesungguhnya Allah Ta‘ala sahajalah Pemberi Manfaat dan Pemberi Mudarat kepada seluruh makhlukNya, sama ada di daratan mahupun di lautan. (Al-Andalusy, 2010; Ibn ‘Asyur, 1984; Tihmaz, 1988)

Elemen Al-Taswir Al-Fanni Dalam Wacana Argumentatif Al-Quran: Analisis Deskriptif Daripada Surah Al-Isra’

Hasil daripada analisa yang dilakukan terhadap kedua-dua ayat 66-67 daripada Surah al-Isra’ yang mempunyai unsur argumentatif, berikut adalah elemen-elemen *al-taswir al-fanni* yang menonjolkan keindahan terhadap mesej yang ingin disampaikan sekaligus berperanan dalam menguatkan penghujahan (Wahiduddin, 2024):

i) Elemen ketepatan pemilihan kata

Pemilihan kata dalam al-Quran sangat indah dan tepat kerana setiap perkataan membawa makna yang khusus dan mendalam. Setiap perkataan dipilih dengan teliti mengikut makna dan konteksnya. Oleh sebab itu, Abbas (2004) berpendapat bahawa tiada perkataan yang sinonim dalam Al-Quran.

Ketepatan pemilihan kata ﴿رَبُّكُمْ﴾ dalam ayat ini digambarkan apabila ayat dimulakan dengan *Jumlah Ismiyyah* (Ayat Nominal) yang memberi indikasi (دلالة) tetap dan konsisten. Penggunaan perkataan (رَبُّ) yang bermaksud Tuhan pada permulaan ayat dan disandarkan pula kepada ganti nama (*musnad ilaih*) iaitu (كُم) bermaksud kalian memberi pula indikasi yang lebih khusus iaitu memberi penegasan menuntut kepada pengakuan bahawa Tuhan kalian sahaja yang berkuasa secara tetap dan konsisten sejak zaman dahulu dalam menggerakkan kapal-kapal di lautan, bukan sembanan kalian yang batil. Perkataan yang begitu pendek namun membawa makna yang mendalam bagi menarik perhatian para audiens atau pendengar terhadap kekuasaan dan keagungan Allah sebagai Tuhan yang mengatur segala perkara. Walaupun manusia memanfaatkan kecanggihan teknologi untuk menggerakkan kapal seperti dengan menggunakan tenaga angin, tenaga stim, mahupun tenaga elektrik, namun manusia perlu sedar bahawa semuanya tetap berada di bawah kekuasaan Allah. Ayat ini menegaskan bahawa manusia sentiasa memerlukan rahmat Allah dan tidak mampu hidup tanpaNya sama ada manusia itu akur atau berdegil dan mengingkarinya (al-Zuhaily, 2005; Tihmaz, 1988; Ibn ‘Asyur, 1984).

Justeru, penulis berpendapat bahawa pemilihan kata ﴿رَبُّكُمْ﴾ amat sesuai dan memainkan peranan yang besar dalam penghujahan wacana argumentatif al-Quran berbanding menggunakan perkataan (الله) atau (هُوَ) seperti yang terdapat pada ayat-ayat yang lain.

ii) Elemen kesesuaian makna

Penulis mendapati bahawa elemen kesesuaian makna dalam ayat

﴿رَبُّكُمْ الَّذِي يُرْجِي لَكُمْ الْفُلْكَ فِي الْبَحْرِ لَتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ﴾ yang memaparkan pergerakan kapal di lautan amat menepati keadaan masyarakat Arab Mekah pada zaman itu.

Hal ini disebabkan, masyarakat Arab yang tinggal di kawasan Mekah jarang berinteraksi dengan lautan kerana kehidupan mereka sepenuhnya bergantung kepada aktiviti kehidupan di daratan, berbeza dengan selain mereka seperti Arab Yaman dan Arab Iraq. Oleh sebab mereka jarang menghadapi gelora lautan, maka Allah menggambarkan mesejnya dengan makna yang jelas dan mudah difahami melalui situasi yang membongkar sikap manusia yang hanya memohon pertolongan Allah ketika berada dalam ketakutan di lautan. Apabila tiba selamat di darat, manusia kembali melupakanNya, walhal nasib manusia seluruhnya sama ada di darat mahupun di laut, tetap berada dalam genggam Allah Yang Maha Penentu segalanya. Jelaslah ketinggian bahasa al-Quran bukan kerana ia hanya untuk difahami oleh golongan cendekiawan atau ahli falsafah, namun mesejnya juga dekat dengan pemahaman masyarakat umum. (Qutb, 2004b; Ibn ‘Asyur, 1984)

Jelaslah bahawa wacana argumentatif yang terdapat dalam ayat ini amat menitikberatkan kesesuaian makna mesej agar maknanya lebih mudah digarap dan dihayati, khususnya dalam menundukkan golongan yang membantah seruan da’wah Baginda SAW.

iii) Elemen keindahan gambaran al-Quran

Hal ini jelas apabila ayat ﴿رَبُّكُمْ الَّذِي يُرْجِي لَكُمْ الْفُلْكَ فِي الْبَحْرِ لَتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ إِنَّه كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾ memaparkan pergerakan kapal di lautan yang memberi gambaran bahaya dan risiko yang dihadapi melalui ungkapan yang menyentuh hati. Gambaran imaginasi kapal yang bergerak di lautan adalah antara keindahan dalam al-Quran yang membentangkan alam semulajadi yang mengagumkan, membuka ufuk pemikiran dan kepekaan pancaindera. Perkataan ﴿يُرْجِي﴾ yang digunakan dalam ayat memberikan imaginasi pergerakan kapal yang perlahan dan tenang, kerana membawa muatan dipenuhi sejumlah manusia dan barangan bagi pelbagai tujuan sama ada perdagangan, pelancongan, haji, peperangan dan sebagainya. Semua aktiviti yang mempunyai kepentingan untuk kemaslahatan kehidupan manusia ini tidak akan terlaksana dengan jayanya melainkan dengan izin Allah serta rahmat dan lemah lembut Sang Khaliq kepada makhluk ciptaanNya. Penggunaan kata kerja dalam bentuk *fiil mudari* juga memberi indikasi jelas bahawa nikmat tersebut sentiasa berterusan dari dahulu hingga sekarang. (Qutb, 2004b; Abd ‘Al, 1990; Ibn ‘Asyur, 1984; al-Zuhailly, 2005; al-Andalusy, 2010)

Keindahan gambaran al-Quran ini semakin memberi impak apabila gambaran pergerakan kapal yang tenang dan perlahan di lautan dek muatan yang penuh, berubah kepada suasana tragedi yang ganas dan menggerunkan seperti firman Allah Ta’ala ﴿وَإِذَا مَسَّكُمُ

﴿الضُّرُّ فِي الْبَحْرِ ضَلَّ مَنْ تَدْعُونَ إِلَّا إِلَٰهَهُ﴾ yang bermaksud: “Dan apabila kamu terkena bahaya di laut, (pada saat itu) hilang lenyaplah (dari ingatan kamu) makhluk-makhluk yang kamu seru selain dari Allah”. Ayat ini menjadi satu tamparan kepada manusia akan hakikat sifat manusia yang hanya mengingati Allah ketika berada dalam kesusahan. Setelah diselamatkan dan kembali ke darat, mereka kembali lalai dan menyekutukan Allah sebagaimana firmanNya ﴿فَلَمَّا نَجَّكُمُ إِلَى الْبَرِّ أَعْرَضْتُمْ﴾ yang bermaksud: “maka apabila Allah selamatkan kamu ke darat, kamu berpaling tadah (tidak mengingatiNya)”. (Qutb, 2004b;

Ibn ‘Asyur, 1984; Ibn Kathir, 1999; al-Darwisy, 2003; al-Zuhaily, 2005; al-Zamakhshyari, 2009; al-Andalusy, 2010)

iv) **Elemen keindahan susunan bahasa**


Keindahan susunan bahasa al-Quran pada ayat yang menjadi subjek kajian adalah seperti penggunaan gaya bahasa الالتفات, iaitu “perubahan rujukan diri” (Abd. Rahman et. al., 2019: 23) iaitu perubahan rujukan diri kedua seperti ﴿أَعْرَضْتُمْ﴾ dan ﴿تَدْعُونَ﴾ yang diulangi 4 kali sebelumnya, kepada rujukan diri ketiga dalam ayat iaitu ﴿وَكَانَ الْإِنْسَانُ كُفُورًا﴾. Sifat manusia yang disandarkan kepada ﴿كُفُورًا﴾ pula menunjukkan sifat manusia yang mudah lupa sebagai tanda berlemah lembut dengan mereka kerana Allah Maha Mengetahui tabiat manusia yang sering alpa dan tidak mensyukuri nikmat Allah kecuali orang yang dipelihara olehNya. Perubahan rujukan diri ini memberikan kepelbagaian gaya bahasa, membangkitkan perhatian pendengar dan menghilangkan rasa jemu. (al-Qazwiny, 2003; al-Zarkasyi, 1988; al- Andalusy, 2010; Ibn Kathir, 1999)

Justeru, penulis mendapati bahawa pastinya susunan bahasa yang menggalakkan penumpuan dan menghilangkan kejemuhan, amat penting bagi wacana argumentatif yang berkesan.

v) **Elemen keserasian irama**

Al-Quran sangat teliti dalam pemilihan kata hinggakan turut menjaga keserasian irama bunyi yang terbentuk agar memberi kesan yang mengasyikkan kepada pendengaran serta menyentuh hati manusia. Keindahan irama dalam ayat-ayat ini dapat dikesan melalui keserasian bunyi antara perkataan ﴿رَحِيمًا﴾ dan ﴿كُفُورًا﴾ yang terletak pada kedua-dua hujung ayat (*fawasil ayat*). Keselarasan dan keserasian bunyi yang terbentuk daripada penggunaan perkataan dalam ayat-ayat ini adalah bersesuaian dengan konteks umum dan mesej yang ingin disampaikan. Kedua-dua perkataan tersebut memberi indikasi makna yang bersangatan dan berterusan, iaitu rahmat Allah yang amat luas kasih sayangNya, manakala manusia pula sangat mudah kufur terhadap nikmatNya. (Daud, 2008; al-Samarraie, 2002) Jelaslah bahawa keistimewaan al-Quran tiada tandingannya. Bermula daripada pemilihan kata, susunan dan makna, hingga meliputi keindahan gambaran dan iramanya. Keserasian antara gabungan huruf, perkataan dan ayat menghasilkan irama yang indah sehingga dapat menyentuh hati dan menenangkan jiwa (Shadi, 1988). Justeru, keindahan irama al-Quran dalam wacana argumentatifnya bukan sekadar sedap didengar, malah turut selaras dengan mesej yang disampaikan serta memberi kesan yang mendalam kepada jiwa sanubari manusia.

Berikut adalah ringkasan elemen-elemen *al-taswir al-fanni* yang terkandung dalam ayat 66 dan 67 Surah al-Isra’:



Rajah 1: Elemen-elemen *al-taswir al-fanni* dalam ayat 66 dan 67 Surah al-Isra’

Perbincangan

Ayat ﴿رَبُّكُمْ الَّذِي يُرْجَى لَكُمْ الْفُلُكُ فِي الْبَحْرِ لَتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾ ini membentangkan penghujahan al-Quran melalui penyebutan nikmat dan kekuasaan Allah yang tidak mampu dihitung dalam mengatur kehidupan manusia. Pengakuan terhadap nikmat yang tidak terhitung ini pasti datang bersamanya pengakuan terhadap kekuasaan Allah dalam mengatur dan menguruskan seluruh alam. Penulis berpendapat bahawa penggunaan perkataan ﴿رَبُّكُمْ﴾ pada permulaan ayat menonjolkan sifat Allah sebagai Tuhan yang wajib disembah dan ditaati. Tiada perkataan lain seperti *lafaz jalalah* (الله) mahupun ganti nama (هو) yang boleh menggantikan fungsi perkataan ﴿رَبُّكُمْ﴾ ini. Jelaslah bahawa Allah adalah Tuhan yang lebih berhak diperhambakan diri dan ditaati segala perintah dan laranganNya.

Selain itu, ayat ini menampilkan gambaran pelayaran kapal di tengah lautan dengan begitu hidup dan dinamik sehingga manusia dapat lebih mudah memahami serta menghayati nikmat yang Allah kurniakan demi kemaslahatan kehidupan mereka. Gambaran lautan dalam ayat tersebut bukan sahaja mencerminkan keluasan nikmat Allah yang melingkari kehidupan

manusia, bahkan turut melambangkan pelbagai ancaman dan bahaya yang sentiasa mengiringi perjalanan hidup. Justeru, manusia hendaklah sentiasa bergantung dan berserah kepada Allah serta tidak menyekutukanNya, kerana Dialah yang mentadbir seluruh alam dan mengatur setiap perjalanan kehidupan.

Penulis berpendapat bahawa mesej ayat ini tidak disampaikan secara langsung dan kaku, sebaliknya dipersembahkan melalui gambaran imaginasi yang seolah-olah hidup bagi memberi kesan yang mendalam kepada hati dan lebih kukuh terpahat dalam pemikiran. Hal ini memperlihatkan unsur imaginasi pancaindera dalam al-Quran menerusi elemen *takhyil hissi*, iaitu penggunaan gambaran yang membangkitkan penghayatan melalui pancaindera sehingga membantu manusia memahami mesej ayat dengan lebih jelas, mendalam dan berkesan. Di samping itu, penulis juga berpendapat bahawa perjalanan kapal di lautan yang digambarkan dalam ayat tersebut sebenarnya melambangkan kehidupan manusia. Sebagaimana lautan menjadi tempat manusia mencari rezeki, nikmat dan manfaat, namun tidak dinafikan pada masa yang sama terdedah juga kepada bahaya dan risiko. Walaupun situasi yang sama turut berlaku di daratan, namun gambaran laut yang dipilih oleh al-Quran lebih memberi kesan menggerunkan. Ayat ini bukan sekadar menggambarkan keadaan di laut atau darat, tetapi menggambarkan seluruh kehidupan manusia serta menunjukkan kekuasaan Allah dalam mengatur dan mentadbir segala perkara. Maka manusia wajib mentauhidkan Allah dan tidak menyekutukan-Nya dengan sesuatu apa pun.

Manakala ayat ﴿وَإِذَا مَسَّكُمُ الضُّرُّ فِي الْبَحْرِ ضَلَّ مَنْ تَدْعُونَ إِلَّا إِلَهُه فَلَمَّا نَجَّكُمْ إِلَى الْبَرِّ أَعْرَضْتُمْ وَكَانَ الْإِنْسُ كُفُورًا﴾ menggambarkan keadaan psikologi manusia ketika susah dan senang. Dalam kesusahan di laut, manusia hanya bergantung kepada Allah, tetapi selepas diselamatkan mereka kembali lalai dan kufur. Jelaslah bahawa al-Quran tidak mendatangkan ayat secara ayat penyata langsung, namun menggambarkan watak manusia ini melalui pergerakan anggota badan manusia bagi membongkarkan apa yang tersembunyi dalam jiwa manusia. Penulis juga berpendapat bahawa pemandangan ini menggambarkan keadaan psikologi orang-orang yang lalai dan engkar dari kebergantungannya kepada Allah melalui penonjolan terhadap pergerakan dan tingkah laku mereka yang berlainan dalam situasi senang dan susah.

Selain itu, penulis turut berpendapat bahawa penggunaan perkataan ﴿الْإِنْسُ﴾ menggantikan penggunaan kata ganti nama kedua sebelumnya yang berulang-ulang pada ﴿مَسَّكُمْ﴾, ﴿أَعْرَضْتُمْ﴾, ﴿تَدْعُونَ﴾ dan ﴿نَجَّكُمْ﴾; adalah untuk memperingatkan kedudukan manusia yang mudah lupa, di samping perubahan ganti nama yang semakin menjauh menunjukkan celaan Allah kepada orang yang ingkar terhadap Allah dan menzahirkan pertentangan yang wujud antara kedua-dua penghujung ayat yang menunjukkan perbandingan antara rahmat Allah dan sifat manusia yang begitu besar jurangnya. Penghujung ayat ﴿إِنَّهُ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا﴾ jelas menggambarkan kasih sayang Allah yang sentiasa memberi nikmat kepada manusia melalui penggunaan kata ganti nama ﴿بِكُمْ﴾ yang menggambarkan kedekatan hubungan Allah dengan hamba-hambaNya serta perkataan ﴿رَحِيمًا﴾, di samping ayat ini dipersembahkan dengan tenang. Dengan limpah kasih sayang Allah, Dia telah menyediakan segala prasarana dan kemudahan untuk kemaslahatan hidup manusia. Manakala ayat ﴿وَكَانَ الْإِنْسُ كُفُورًا﴾ menunjukkan betapa jauhnya manusia dari Allah oleh sebab tidak bersyukur. Walaupun kedua-dua perkataan

﴿رَحِيمًا﴾ dan ﴿كُفُورًا﴾ mempunyai irama yang seimbang, namun pengkaji mendapati bahawa terdapat pertentangan makna; sifat Allah yang positif, penuh rahmat, sedangkan manusia dengan sifat lemahnya yang negatif dan mudah kufur terhadap nikmat-Nya. Perkataan (رحيم) yang terbentuk dari wazan (فَعِيل), dan perkataan (كفور) dari wazan (فَعُول). Walaupun kedua-duanya mempunyai persamaan iaitu merujuk kepada indikasi banyak, melimpah serta proses yang berterusan namun terdapat jurang yang besar antara kedua-duanya iaitu antara keluasan rahmat Allah dan kelemahan manusia yang lalai. Walaupun Allah terus sahaja dalam melimpahkan nikmatNya kepada hamba-hambaNya, namun malangnya manusia yang lemah berterusan pula dalam kelekatan dan kealpaannya.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa ketepatan dalam pemilihan kata, keserasian makna dan keindahan susunan kata serta paparan yang digambarkan di samping keserasian irama memberi sumbangan yang tidak ternilai dalam mengangkat kedudukan ayat dalam wacana argumentatif dan membuktikan kemukjizatan al-Quran yang tiada tandingannya. Ayat 66-67 daripada Surah Al-Isra' yang menjadi skop kajian sarat dengan bukti yang menunjukkan bahawa betapa jelas bahawa keindahan gambaran dalam al-Quran bukan sekadar seni bahasa, tetapi bertujuan yang lebih utama iaitu memberi petunjuk dan membawa manusia ke arah kebaikan dengan menggabungkan elemen seni dan elemen agama yang membuktikan kemukjizatan al-Quran.

Penghargaan:	Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.
Penyataan Pembiayaan:	Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
Pernyataan Konflik Kepentingan:	Tiada.
Pernyataan Etika:	Kajian ini tidak melibatkan sebarang responden manusia, haiwan, atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
Pernyataan Sumbangan Penulis:	Penulis telah menyediakan keseluruhan kandungan kajian termasuk sorotan literatur, metodologi, analisa data serta perbincangan dapatan.

Rujukan

- al-Qur'ān al-Karīm
al-Quran Terjemahan, (tanzil.net terjemahan Basmeih) <https://tanzil.net>
'Abbās, F. H. (2004). I'jāz al-Qur'ān al-Karīm. Dār al-Furqān.
Abd 'Al, M. Q. (1990). Min Jamaliyyāt al-Taṣwīr fī al-Qur'ān al-Karīm. Rābiṭat al-'Alam al-Islāmiy.
Abd. Rahman, M. Z., Hussin, M. & Mezah, C. R. (2019). Pengantar Balaghah Bahasa Melayu Berpanduan Balaghah Arab. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
al-Andalusiy, M. (2010). Al-Bahr al-Muhīt fī al-Tafsīr. Dār al-Fikr.
al-Hijawi, M. (2010). Fī Rihāb al-Qur'ān al-Karīm wa al-Tarākīb. ISESCO.
al-Darwisy, M. (2003). I'rāb al-Qur'ān al-Karīm wa Bayānuh. Dār al-Yamāmah.
al-Khālidi, S. A. F. (2016). Nazariyyah *Al-Taṣwīr al-Fannī 'inda Sayyid Qutb*. Dar al-Faruq.
al-Qazwīniy, J. (2003). Al-Idāh fī 'Ulūm al-Balaghah al-Ma'ānī wa al-Bayān wa al-Badī'. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
al-Zamakhshari, J. (2009). Al-Kashshāf 'an Haqā'iq al-Tanzīl. Dār al-Ma'rifah.
al-Zarkasyi, B. M. (1988). Al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
al-Zuhaily, W. (2005). Al-Tafsīr Al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Syarī'ah wa al-Manhaj. Dār al-Fikr.
al-Samarraie, F. S. (2002). Al-Ta'bīr al-Qur'ānī. Dār 'Ammār.
Bumindjel, A. M. (2010). Al-Balaghah al-Qur'āniyyah al-Mu'jizah baina Nāqidayn: 'Abd al-Qāhir al-Jurjāni wa Sayyid Qutb. Al-Tajdīd. IIUM.
Daud, M. M. (2008). Mu'jam al-Furuq al-Dilāliyyah fī al-Qur'ān al-Karīm. Dār Gharīb.
Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka.
Don, A. G. (1999). "Qur'anic General Account on the Arab Jahiliyyah's Socio-Economic Life". *Islāmiyyāt*. Vol. 20. p. 53-60.
Ibn 'Asyur, M. T. (1984). Al-Tahrīr wa al-Tanwīr. Dār al-Tunisiyyah.
Ibn Kathir, I. (1999). Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm. Dār Taybah.
Md. Idris, M. R. (2016). Konsep Wacana. <https://analisiswacanaka3.blogspot.com/p/konsep-wacana.html> (Retrieved: 28 Mei 2026).
Nasr el Din, I. (2011). Wujūh al-I'jāz fī al-Khitāb al-Uslūbī wa al-Ma'rifi li al-Qur'ān al-Karīm. IIUM.
Qutb, S. (2004a). *Al-Taṣwīr al-Fannī Fī al-Qur'ān*. 17th ed. Dār al-Shurūq.
Qutb, S. (2004b). *Fi Zilal al-Quran*. Dār al-Shurūq.
Shadi, M. I. (1988). Al-Balaghah al-Ṣawtiyyah fī al-Qur'ān al-Karīm. Maṭba'ah al-Risālah.
Tihmaz, A. H. M. (1988). Al-Muwājahah wa al-Tathbīt fī Sūrah al-Isra'. Dār al-Qalam.
Wahiduddin, S. S., Wan Ahmad, W. A., & Ahmad Hussein, N. E. D. I. (2023). تطبيق منهج التصوير الفني لسيد قطب في فهم سورة يوسف واستيعابها: [The Application of Sayyid Qutb's Artistic Imagery Theory in Understanding Sūrah Yūsuf]. *Ulum Islamiyyah*, 35(03), 25–38. <https://doi.org/10.33102/uij.vol35no03.547>
Wahiduddin, S. S. (2024). Al-Taṣwīr al-Fannī Fī al-Khitāb al-Qur'āniy al-Hijājiy fī al-Suwar al-Mukhtārah: Dirasah Wasfiyyah Tahliyyiyyah. (Tesis Phd). Universiti Sains Islam Malaysia.
Wahiduddin, S. S. & Wan Ahmad, W. A. (2024). Faktor Ketokohan Sayyid Qutb Sebagai Pengasas Teori Al-Taswir Al-Fanni: Kajian Analisis Deskriptif. *Prosiding Seminar Antarabangsa Bahasa, Sastra Dan Tamadun Islam (SEBATI 2024)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.